

SIRI KUPASAN ALKITAB



DNA INJIL

21 Nilai Pelayanan untuk Gereja
yang Bertumbuh

RICHARD COEKIN



**WAWASAN
PENABUR**

DNA Injil

21 Nilai Pelayanan untuk Gereja yang Bertumbuh

Penulis : Gregory D. Gilbert
Penterjemah : Lilian Jose
Penyunting : Randy Singkee
Pereka Kulit buku : JC Chiang

Cetakan Pertama: Jun 2019

Semua petikan Alkitab, kecuali dinyatakan sebaliknya, diambil dari:
Alkitab Versi Borneo © 2015, Borneo Sabda Limited

Gospel DNA

© Richard Coekin/The Good Book Company, 2017

Edisi Asal diterbitkan oleh:
The Good Book Company, United Kingdom
Email: info@thegoodbook.co.uk

Edisi Bahasa Malaysia diterbitkan bersama oleh:

Wawasan Penabur Sdn. Bhd.	KVBC Trust & CEP
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya	31A Jalan SS2/64
46787 Petaling Jaya, Selangor	47300 Petaling Jaya, Selangor
wawasan.penabur@gmail.com	info@kvbctrust.org

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Tahukah anda bahawa anda boleh mendapatkan banyak bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia secara percuma online di Sabda Harian (<http://sabdaharian.com/>)? Kunjungilah laman web mereka hari ini!

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.



Daftar Isi

Sekapur Sirih	1
Kata Pengantar oleh D. A. Carson	3
Prakata	7
Kisah Para Rasul 20:17-38	9
1. Belajar dari seorang legenda	11
<i>mengapa ajaran Paulus dalam Kisah Para Rasul 20 sangat berharga pada hari ini</i>	
2. Melatih pemimpin-pemimpin	17
<i>untuk melengkapi umat Allah bagi pelayanan pertumbuhan gereja</i>	
3. Kongsikan hidup anda	25
<i>kerana pelayanan injil difahami ketika diajarkan</i>	
4. Layanilah Tuhan	33
<i>walau apa pun kosnya, kerana anda beribadah kepada-Nya</i>	
5. Ajarkan Alkitab	39
<i>kerana Allah berbicara melalui firman-Nya pada hari ini</i>	
6. Carilah pertaubatan dan iman	45
<i>kerana apa yang kurang daripada itu bukan penyelamatan</i>	
7. Terima risiko yang tidak dapat dielakkan	51
<i>kerana Allah itu berdaulat</i>	
8. Nikmatilah Roh Kudus	57
<i>kerana Dia bekerja dengan penuh kuasa di kalangan kita</i>	

9. Isytiharkan injil	65
<i>kerana ia menyatakan kasih kurnia Allah</i>	
10. Khabarkan Kerajaan Allah	71
<i>kerana yang terbaik akan tiba</i>	
11. Peringatkan tentang penghakiman	81
<i>kerana kita tidak mahu bersalah terhadap penumpahan darah manusia</i>	
12. Beritahu seluruh kebenaran	89
<i>kerana injil yang diputarbalikkan tidak menyelamatkan</i>	
13. Gembala kawanan domba	97
<i>seperti yang dilakukan oleh Gembala yang Baik</i>	
14. Perhatikan gereja setempat anda	105
<i>kerana ia sangat istimewa kepada Yesus</i>	
15. Isytiharkan kematian-Nya	113
<i>kerana darah Kristus telah lunasi hutang kita</i>	
16. Waspadalah terhadap serigala	121
<i>kerana pemesongan ajaran merosakkan gereja</i>	
17. Percayalah kepada Allah	131
<i>kerana Dia benar-benar hebat</i>	
18. Percayalah Firman Allah	139
<i>untuk meneguhkan umat</i>	
19. Raikan warisan kita	149
<i>dan nikmati harapan syurga</i>	
20. Bantu yang lemah	157
<i>kerana memberi itu lebih berkatnya daripada menerima</i>	
21. Berdoa dengan keyakinan	167
<i>kerana Allah adalah Bapa kita yang di syurga</i>	
22. Teruskan pergi ke semua bangsa	175
<i>untuk menjadikan mereka murid-murid bagi Kristus</i>	



Belajar dari seorang legenda

*mengapa ajaran Paulus dalam Kisah Para Rasul 20
sangat berharga pada hari ini*

Beberapa dekad yang lalu, saya pernah bermain ragbi. Satu kejadian yang paling saya tidak dapat lupakan adalah apabila Clive Woodward, pemain England yang sangat berbakat dan bakal jurulatih England, datang untuk menyelia satu sesi latihan. Saya masih ingat bahawa dia tidak melakukan sesuatu yang rumit. Dia membawa kami kembali kepada prinsip-prinsip asas penghantaran dan menangani, dan ia benar-benar sangat mengujakan. Terutama sekali kerana dia menunjukkan kepada kami bagaimana untuk melakukan apa yang dilakukannya di televisyen, menjaringkan dengan penuh sensasi untuk England.

Begitu juga dalam Kisah Para Rasul 20. Paulus adalah seorang Rasul yang asal – dipilih dan diberi kuasa oleh Kristus yang telah bangkit untuk mengisytiharkan injil bagi-Nya kepada bangsa-bangsa (KPR 9:15). Dia juga adalah seorang misionaris, penginjil, penanam gereja dan pastor yang berani. Lelaki itu adalah seorang legenda! Dan dalam petikan ini kita membaca tentang dia melatih beberapa orang pemimpin gereja tempatan dari Efesus (sebuah ibu kota wilayah kosmopolitan di pantai barat Turki) dengan membawa mereka kembali kepada keperluan-keperluan asas pelayanan injil. Tidak ada yang rumit. Dia hanya menerangkan apa yang telah dilakukannya di kalangan mereka dan dalam semua perjalanan misinya.

Berikut adalah tiga sebab mengapa petikan yang menyerlah ini harus diteruskan supaya mempunyai satu pengaruh yang membangun kepada kita dan gereja-gereja kita pada hari ini:



Pertama, petikan ini adalah satu contoh yang unik dari latihan kepemimpinan Paulus. Kisah Para Rasul adalah jilid kedua tentang sejarah penyelidikan yang telah ditulis dengan teliti oleh Lukas. Ia menerangkan apa yang Yesus lakukan selepas kebangkitan-Nya, oleh Roh Kudus-Nya yang memberi kuasa kepada para Rasul-Nya untuk memberitakan injil “sampai ke hujung bumi” (KPR 1:8). Dalam misi kepada bangsa-bangsa ini, sering kali kita terlepas pandang bahawa Paulus tidak hanya mengembara di sekitar Turki dan Yunani untuk menginjil dan menanam gereja. Dia juga kembali ke gereja-gereja yang telah dimulakannya, untuk “menguatkan hati mereka” (KPR 14:21-22; 15:41).

Lukas merangkumkan pelbagai contoh dalam Kisah Para Rasul tentang ajaran penginjilan Paulus. Namun petikan dalam Kisah Para Rasul 20 ini adalah satu contoh yang unik tentang bagaimana Paulus menguatkan gereja-gereja – dengan melatih pemimpin-pemimpin mereka dalam pelayanan injil, supaya mereka dapat melatih ahli-ahli gereja yang lain. Ini adalah cara bagaimana gereja-gereja dapat terus bertumbuh dan berkembang dengan pelayanan injil “apostolik” (kerasulan) sebagai asas mereka. Lukas memberikan kita satu ringkasan yang singkat tetapi cemerlang mengenai seminar kepemimpinan ini. Jelas sekali dia menggunakan ungkapan Paulus yang berwarna-warni, supaya kita dapat mendengar bimbingannya untuk diri kita sendiri. Oleh kerana petikan ini sangat istimewa dalam Kitab Suci, maka ia tetap berharga kepada kita pada hari ini.

Kedua, dalam kasih kurnia Allah, Paulus sengaja menonjolkan aspek-aspek pelayanan injilnya sendiri yang seharusnya menjadi corak untuk generasi masa depan, dan Lukas mengenali ini dengan mencatatnya. Dalam seminar ini, dia menumpukan kepada tiga bidang pelayanannya yang tidak terhad kepada peranan istimewanya sebagai seorang Rasul tetapi untuk semua generasi:

- Mengisytiharkan injil (ayat 20-27)
- Menjaga gereja (ayat 28-31)
- Menyediakan Firman (ayat 32-35)

Dalam setiap bahagian, dia mengingatkan mereka bagaimana dia telah melakukan apa yang dia katakan sekarang:

“Kamu semua tahu cara hidupku ... ingatlah bagaimana selama tiga tahun ... Dalam semua perkara aku telah menunjukkan

teladan kepadamu...” (KPR 20:18, 31, 35)

Paulus dengan jelas menggesa para pemimpin gereja pada masa itu dan sekarang untuk mengikuti teladannya. Kita tidak belajar daripada seorang guru pertumbuhan-gereja yang sombong, yang bermain dengan teori-teori radikal dalam pengajian universitinya yang selesa! Kita belajar langsung dari Rasul misionaris Kristus, yang telah melakukan semuanya sebelum ini dan membawa bekas luka untuk membuktikannya. Oleh kerana semua ini adalah kata-kata Allah, kita semua harus mendengar dan belajar; kerana ini juga adalah kata-kata seorang Rasul yang menyasarkan para pemimpin untuk mengikuti teladannya, para pemimpin kita juga harus bersedia untuk berubah. Pengajaran ini jelas dimaksudkan untuk membentuk pelayanan injil para pemimpin gereja di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa sahaja!

Ketiga, bahan latihan ini masih relevan pada hari ini kerana ia tidak terhad kepada konteks sejarah Paulus yang tertentu. Inti strategi pertumbuhan-gereja Paulus untuk setiap budaya adalah sama: *Mengajarkan Alkitab!* Hanya dalam beberapa ayat dia telah membuat beberapa rujukan inti utama pelayanannya kepada mereka:

“menyatakan segalanya... mengajar... memberikan... menyempurnakan... mengkhabarkan...menyatakan...”
(KPR 20:20-27)

Dan kebisuan mengenai aspek-aspek lain dalam pelayanan adalah menakjubkan! Jelas sekali ini bukanlah satu ringkasan tentang seluruh teologinya, sebab itulah banyak doktrin penting yang tidak disebutkan. Sebaliknya ia adalah satu ringkasan mengenai tema dan prinsip-prinsip asas pelayanan injilnya.

Lukas tidak mencatat apa-apa mengenai strategi, pasukan staf atau peristiwa yang dia dapati berguna. Malah, tidak ada apa-apa tentang perkhidmatan masyarakat, tidak ada apa-apa tentang sakramen dan apologetik budaya yang berguna. Malah, kita tidak mendengar apa-apa tentang *bagaimana* untuk menginjil atau *bagaimana* untuk menanam atau *bagaimana* untuk berkhotbah – di mana semua ini adalah sangat spesifik dalam konteks Paulus. Kita tahu dari Perjanjian Baru bahawa perkara-perkara ini penting bagi Paulus, dan mungkin dia akan membincangkan perkara-perkara ini dengan



para tua-tua jemaah Efesus pada waktu itu (lagipun, apa yang kita baca di sini tidak mengambil masa yang lama untuk dikatakan!) Tetapi mereka tidak begitu penting untuk Lukas masukkan di sini.

Ini bukanlah alasan bagi kita untuk mengabaikan kerja keras dalam menjelaskan strategi organisasi, apologetik budaya dan pola eksposisi khotbah untuk generasi kita sendiri. Pemimpin-pemimpin yang menjaga gereja-gereja setempat haruslah peka akan perkara ini. Tetapi di sini Lukas mengambil berat dengan latihan Paulus dalam tema dan prinsip alkitabiah yang asas, dan bukan terhadap pelbagai strategi, kemahiran dan budaya pelayanan yang perlu kita bina dengan berkesan dalam konteks yang berbeza pada hari ini.

Jadi, tema dan prinsip-prinsip ini tidak akan menjadi keseluruhan dari pelayanan seorang pemimpin. Tetapi mereka harus menjadi asas bagi segala yang kita lakukan! Jaringan Co-Mission di mana saya melayani telah ditanam dalam pelbagai konteks budaya di seluruh London, setiap gereja baru memerlukan strategi pendekatan yang sangat berbeza untuk menginjil komuniti mereka. Tetapi di tengah-tengah semua strategi ini, kita harus mengekalkan satu komitmen terhadap tema dan prinsip alkitabiah yang Paulus puji dalam petikan ini. Rasul ini dengan jelas menyatakan mereka menjadi asas bagi kehidupan gereja setempat yang sihat di setiap generasi dan budaya.

Kerana tema-tema ini sangat penting, anda akan mendapati bahawa buku ini tidak sekadar menjelaskan ayat-ayat itu. Sebaliknya, dalam setiap ayat, apabila kita menemui satu tema yang dikembangkan di bahagian lain dalam Alkitab, kita akan merujuk bahagian lain dalam Alkitab untuk memahami tema itu dengan lebih dalam lagi. Tambahan pula, teologi alkitabiah yang sihat sentiasa menafsirkan mana-mana bahagian Alkitab dengan merujuk kepada keseluruhannya. Anda boleh mengatakan bahawa, seperti menggunakan lif untuk turun dari tingkat yang paling atas ke tingkat yang paling bawah, kita akan keluar pada setiap tingkat untuk meninjau seketika, untuk melihat sesuatu yang menarik dalam keseluruhan bangunan itu – iaitu pelayanan injil yang setia.

Akhir sekali, adalah layak untuk mengakui dalam menghayati teks ini bahawa isi utama bagi tema-tema pelayanan yang asas ini, sama ada pada abad pertama Efesus atau abad kedua puluh satu London,

adalah “berita baik (injil) kasih kurnia Allah”. Paulus mengatakan bahawa hidupnya sepenuhnya diserahkan untuk “memberikan kesaksian akan Injil tentang kasih kurnia Allah”, dan dia dengan senang hati mengamanahkan gereja Efesus kepada “perkhabaran tentang kasih kurnia Allah, yang berkuasa meneguhkan imanmu” (ayat 24,32). Mana-mana pelayanan pengajaran yang Allah gunakan untuk menyelamatkan manusia dan menumbuhkan gereja pada hari ini, sama ada di Tokyo, Melbourne, Roma, Montreal atau London, akan didedikasikan untuk mempercayai dan memberitakan injil kasih kurnia Allah – kebaikan-Nya yang menakjubkan kepada kita dalam Kristus.

Kita akan lihat kemudian bagaimana injil ini adalah mengenai Yesus Kristus, Penyelamat kita yang pengasih dan Tuhan yang hidup. Jika sebuah gereja setempat adalah tubuh Kristus, dan Alkitab adalah nadinya, maka “berita baik tentang kasih kurnia Allah” adalah darah yang memberi kehidupan yang berterusan dipam melalui arteri pelbagai pelayanan pengajaran kepada semua organ dan anggota badan dalam gereja.

Doa saya bagi sesiapa sahaja yang membaca buku ini adalah ketika anda belajar dari Rasul Paulus, anda juga bersukacita untuk menemukan bukan sahaja asas tema dan prinsip pelayanan injilnya yang berkesan, tetapi juga nadi pelayanan ini dalam “berita baik kasih kurnia Allah”, yang menyelamatkan orang berdosa dan membina gereja pada hari ini.



Fikirkan:

1. Apakah jenis pelayanan gereja yang anda terlibat sekarang? Apakah tujuan dan ciri-ciri utama mereka?
2. Siapakah pemimpin gereja/penulis yang banyak memberi pengaruh dalam pemahaman masa lalu anda tentang bagaimana untuk melayani Allah? Apakah perasaan anda tentang belajar dari Rasul Paulus dalam Kisah Para Rasul 20?
3. Tuliskan apa yang anda fikir adalah unsur-unsur yang paling penting dalam sebuah pelayanan gereja setempat – iaitu, menurut anda apakah para pemimpin dan ahli-ahli gereja perlu terlibat minggu demi minggu? Selepas anda selesai membaca buku ini,



anda boleh kembali memikirkan senarai ini dan lihat sama ada belajar pengajaran Paulus dalam Kisah Para Rasul 20 telah mengubah pandangan anda terhadap pelayanan gereja.



Untuk Pemimpin Gereja:

Bagaimanakah anda dapat memastikan bahawa injil kasih kurnia Allah menjadi pusat dalam gereja anda?





2

Melatih pemimpin-pemimpin

untuk melengkapi umat Allah bagi pelayanan pertumbuhan gereja

“Dari Miletus Paulus menyuruh orang pergi ke Efesus memanggil tua-tua jemaah di situ.” (KPR 20:17)

Paulus sedang tergesa-gesa. Dia ingin pergi ke Yerusalem dengan satu hadiah kewangan yang signifikan dari gereja-gereja Yunani untuk orang percaya Yahudi yang miskin. Dari sana dia merancang untuk pergi ke Sepanyol melalui Roma, bagi memulakan satu misi baru (KPR 19:21; Roma 15). Dia adalah seorang yang anda boleh katakan tidak kenal penat lelah untuk Yesus! Tetapi dia tidak dapat tahan untuk belayar ke pantai barat Turki dan mengabaikan gereja Efesus yang telah ditanam dan dipimpinnya, dan yang kini sangat penting untuk kerja penginjilan di rantau itu.

Mungkin dia tidak berani pergi ke Efesus dan berhadapan dengan risiko ditangkap oleh pihak berkuasa atau dilambatkan dengan sambutan oleh gereja itu. Jadi dia berhenti di pelabuhan Miletus yang berhampiran, dan menghantar berita kepada para pemimpin gereja untuk menyertainya. Kita boleh membayangkan bahawa mereka tiba dengan keldai atau kereta kuda, dengan gembira memeluk Rasul yang mereka sayangi dan berkongsi khabar tentang keluarga dan sahabat.

Mungkin mereka berkumpul di atas bumbung taverna yang teduh, bertukar-tukar cerita dan berbual-bual dengan gembira sambil menikmati hidangan, sebelum mendengar dengan teliti pengajaran



Paulus. Seperti yang telah dilakukan oleh Yesus kepada para murid-Nya, demikian jugalah dia yang kini sedang melatih generasi pemimpin gereja yang seterusnya, supaya selepas pemergiannya, mesej injil akan terus disebar.

Kita akan belajar dari ini. Terlalu banyak pelayanan injil yang sihat yang hanya bertahan untuk satu generasi. Ada kalanya gereja-gereja menolak atau meninggalkan injil selepas seorang pastor yang setia dan berhasil untuk satu musim memberikan perhatian yang tidak mencukupi untuk melatih pemimpin-pemimpin dari generasi akan datang, atau telah mengabaikan untuk melatih dengan penuh perhatian bagi mereka yang dilantik menjadi penggantinya. Ini melibatkan bukan saja menjelaskan teologi alkitabiah atau perwatakan Kristian yang baik, tetapi juga menguatkan keazaman mereka dan menyediakan taktik mereka untuk menolak kepimpinan yang tidak mencukupi. Tidak ada pelayanan injil yang benar-benar lengkap sehingga penggantinya telah terjamin.

Paulus melatih para pemimpin untuk melatih umat Allah dalam pelayanan-pelayanan mereka

Mengapakah Paulus melatih tua-tua jemaah ini? Dalam suratnya kepada gereja di Efesus, Paulus menjelaskan bahawa guru-guru Alkitab diberikan oleh Kristus untuk melatih umat Allah dengan Firman Allah bagi pelayanan-pelayanan yang akan menumbuhkan gereja dalam kesatuan dan kematangan rohani dalam Kristus: “untuk menyediakan orang yang salih bagi kerja melayani, untuk meneguhkan tubuh Kristus” (Efesus 4:11-13). Prinsip ini mempunyai pengaruh yang sangat besar terhadap gereja-gereja kami di London.

Jika kita ibaratkan gereja dengan satu stadium bola sepak, ramai orang yang berfikir bahawa gereja adalah seperti penonton yang ramai (jemaah) yang berkumpul untuk dihiburkan oleh pemain bola sepak professional yang dibayar dengan sangat mahal (paderi atau pastor) dengan corak permainan mereka (melakukan pelayanan mereka). Tetapi Paulus berkata bahawa guru-guru Alkitab diberikan oleh Kristus “untuk melengkapkan umat-Nya”, iaitu, pelayanan kepada *semua* umat Kristus yang membangunkan gereja dari segi jumlah, kesatuan dan kematangan.

Untuk meneruskan analogi bola sepak, pasukan pemain (mereka

yang melayani) bukan hanya paderi atau pastor, tetapi juga semua orang yang percaya. Mereka dipimpin oleh kapten-kapten mereka (“para penatua” yang memimpin dengan pengajaran dan teladan mereka) dan dilatih oleh jurulatih pemain mereka (pengkhotbah dan pemimpin-pemimpin kumpulan kecil) dengan panduan latihan (Kitab Suci). Mereka bermain permainan itu (mengasihi Allah, mengasihi antara satu sama lain dan mengasihi komuniti mereka) dan memupuk akademi belia (mengajar Kitab Suci kepada kanak-kanak) menentang pihak lawan (dosa, dunia dan iblis). Orang ramai yang menonton adalah sahabat, keluarga, rakan sekerja dan komuniti setempat yang belum percaya. Oleh itu, “pasukan pelayanan” kita haruslah melibatkan *semua* orang yang percaya dalam jemaah kita. (Orang yang belum percaya di gereja boleh dilibatkan dalam pelayanan praktikal, tetapi tidak dalam mengajar atau menyanyikan apa yang mereka tidak percayai; dan adalah kurang bijak untuk memberikan orang yang tidak percaya satu pelayanan yang mungkin memberikan mereka pemahaman bahawa mereka telah diselamatkan, yang akan menyebabkan mereka tersasar apabila iman tiruan mereka tidak berjalan.)

Perhatikan bahawa pengajaran Alkitab adalah satu pelatihan – pelatihan untuk semua orang. Paulus tidak menghadkannya kepada pastor-pastor yang berpotensi, atau pemimpin-pemimpin pelayanan sahaja. Jika gereja itu ditumbuhkan oleh Allah melalui pelayanan semua ahli, maka semua ahli akan mendapat faedah dari pelatihan alkitabiah untuk memastikan bahawa pelayanan mereka dilakukan dengan cara yang salih dan dihubungkan kepada sebab yang sama dalam usaha pemuridan. Paulus mungkin bukan hanya melatih para tua-tua jemaah mengenai bagaimana melatih pemimpin-pemimpin kumpulan kecil, pekerja pelayanan kanak-kanak dan penulis lagu tentang penggunaan Alkitab yang betul dan benar; tetapi juga melatih mereka tentang bagaimana memberikan pengajaran Alkitab yang sesuai untuk melatih mereka yang terlibat dalam pelayanan-pelayanan belakang layar seperti kunjungan rumah, menyambut tetamu, hospitaliti dan perbualan. Oleh kerana semua alat muzik dalam sebuah orkestra mempunyai peranan yang penting dalam menghasilkan muzik yang indah, begitu jugalah pelayanan bagi semua ahli gereja bergabung dalam pertumbuhan gereja itu. Strategi pertumbuhan gereja Paulus pada dasarnya melatih orang dengan Alkitab untuk pelayanan-pelayanan “pembentukan tubuh” yang beragam – supaya setiap gereja adalah sebuah “gereja yang



melatih” dan setiap ahlinya memerlukan “latihan pelayanan”.

Adalah penting untuk mengenali bahawa pelayanan-pelayanan operasi yang praktikal haruslah melayani pelayanan-pelayanan rohani menjadikan semua bangsa murid Kristus. Kita tidak sepatutnya memandang rendah perancangan strategik, sokongan operasi, atau bangunan dan estetika – mereka menyediakan wacana untuk pelayanan Firman. Sayangnya, gereja-gereja mungkin boleh memandang rendah pelayanan-pelayanan ini sehingga mengakibatkan pertumbuhan rohani mereka menjadi mendatar. Terlalu banyak yang dapat diperolehi dalam menjangkau mereka yang tersesat daripada yang bijaksana, perancangan strategik yang penting untuk peranan para penatua, yang mengawasi atau menguruskan keluarga Allah (sebagai contoh, mempertimbangkan pembangunan pasukan pelayanan yang “berpandukan tujuan” daripada sekadar menggandakan bilangan pendeta).

Walau bagaimanapun, kita harus ingat bahawa strategi, perancangan dan operasi wujud untuk melayani tujuan secara menyeluruh dalam menjadikan murid-murid dari semua bangsa untuk Kristus. Meminjam sebuah analogi dari buku Marshall dan Payne yang hebat, *The Trellis and the Vine*, struktur sokongan organisasi gereja (*the trellis*, pohonnya) hanya ada untuk melayani pertumbuhan rohani gereja (*the vine*, rantingnya). Malangnya, gereja-gereja boleh menjadi sangat sibuk dengan sistem pengurusan gereja baru yang mengujakan dan skim bangunan sehingga mereka mengabaikan untuk mengajar dan melatih jemaah dengan lebih dalam mengenai Alkitab, dan tertanya-tanya mengapa jemaah masih tidak matang dan tidak bersedia untuk melayani. Pohonlah yang menyokong ranting-ranting dan bukan sebaliknya. Para penatua harus memastikan bahawa strategi dan struktur ini berkesan dalam menyokong latihan umat Allah dengan Firman Allah dalam pelayanan mereka – untuk membangunkan gereja Allah dari segi bilangan dan kesatuan serta kematangan seperti Kristus.

Paulus melatih “Tua-tua jemaah”

Dalam petikan ini Allah memberikan satu “ringkasan eksekutif” yang tidak ternilai tentang latihan Paulus untuk para tua-tua jemaah. Istilah ini, “tua-tua jemaah”, bererti “lelaki-lelaki senior”. Kita tahu bahawa Rasul ini menghendaki para penatua untuk kesihatan rohani setiap

gereja, dan menganggap sebuah gereja tanpa penatua yang dilantik adalah gereja yang tidak lengkap. Kerana sebab inilah dia meninggalkan Titus di Kreta untuk melantik penatua di semua gereja yang ditanamnya yang secara moral tidak bercela dan yang menggalakkan orang menerima “ajaran yang benar” (lihat Titus 1:5-9).

“Tua-tua” haruslah dalam bentuk jamak, sebuah pasukan yang mendapat faedah daripada anugerah, pengalaman dan tenaga yang berbeza (bukan hanya seorang diri). Mereka adalah senior dari segi rohani (bukan orang muda yang tidak berpengalaman), untuk mendapat manfaat daripada pengalaman, kebijaksanaan dan kewibawaan yang datang dengan kematangan. Dan mereka adalah lelaki, kerana setiap gereja adalah keluarga Allah, memerlukan lelaki dewasa untuk memberikan kepimpinan yang penuh kasih (dalam 1 Timotius 2, Paulus menjelaskan alasan ini bermula dari penciptaan).

Paulus pada bahagian lain juga mengatakan bahawa penatua (tua-tua atau pemimpin jemaah) haruslah ditandai dengan kesucian peribadi, kemampuan untuk mengajar Alkitab dan kemampuan untuk menjaga jemaah itu. Mereka tidak melantik diri sendiri tetapi dipilih oleh para pemimpin kanan yang lain, dan ditugaskan (ditahbiskan) secara umum untuk diiktiraf oleh gereja-gereja lain dan jemaah mereka sendiri sebagai mempunyai kuasa yang diberikan oleh Allah sebagai “pemelihara” (secara harafiah, “presbyter” atau “uskup” – yang mengawasi dan mengurus) dan “gembala” (yang memimpin, melindungi dan menyediakan) di gereja setempat mereka.

Banyak gereja (termasuk gereja kami) dengan jelas melantik sekumpulan penatua. Di gereja-gereja lain yang tidak melakukan perkara ini secara eksplisit, sering ada pemimpin-pemimpin yang *berfungsi* sebagai penatua (contohnya, di gereja-gereja Anglikan dan Episcopal yang lain, itu mungkin adalah rektor atau warden). Lazimnya penting bagi kesihatan sebuah gereja untuk mengenal pasti dan memberi kuasa kepada orang yang akan berfungsi sebagai penatua, untuk melaksanakan pelayanan-pelayanan penting yang akan dijelaskan oleh Paulus. Tanpa mereka, gereja tidak akan mampu bertumbuh dalam kematangan rohani dengan mudah.

Bagaimana satu pasukan penatua berfungsi secara praktikal adalah sangat berbeza mengikut budaya dan tradisi. Dalam sesetengah budaya, gereja-gereja boleh memberikan kuasa yang besar kepada



para penatua yang telah mereka lantik (terutamanya yang diiktiraf atau ditahbiskan sebagai presbyter atau uskup oleh denominasi mereka). Ini membolehkan mereka memimpin secara proaktif, tetapi boleh juga menyebabkan sikap tidak peduli dalam jemaah itu dan kesombongan para pemimpin. Dalam budaya yang lain, gereja-gereja mungkin melahirkan kepemimpinan yang lebih demokratik. Ini dapat menggalakkan penglibatan ahli-ahli gereja, tetapi boleh menyekat keproaktifan kepemimpinan dan boleh menyebabkan ketegangan dalam gereja atau inersia di kalangan para pemimpin.

Secara idealnya, gereja-gereja akan menggabungkan yang terbaik dari kedua-dua dunia itu, menggalakkan ahli-ahli gereja untuk kesalihan dan pemberian rohani penatua dan staf mereka, memberikan kebebasan kepada mereka untuk memulakan tindakan tanpa mengharapkan jemaah meminta pendapat dalam setiap keputusan; tetapi juga menggalakkan staf yang digaji untuk menghargai kebijaksanaan yang salih dan kemahiran yang pelbagai dari ahli-ahli gereja yang matang dan dengan senang hati menerima pertanggungjawaban kepada pasukan penatua mereka (atau sekumpulan senior yang kadang-kadang dipanggil “Para Penatua Pentadbir”).

Gereja-gereja yang sihat akan mempunyai para penatua dan staf yang *kedua-duanya* menjalankan kepimpinan proaktif *dan* dengan bijak mengiktiraf keadaan-keadaan apabila perlu untuk memberi nasihat kepada jemaah dengan sabar. Ia juga layak diberi perhatian bahawa biasanya adalah dinasihatkan untuk menubuhkan satu perlembagaan, mewujudkan struktur pentadbiran dan menjelaskan syarat-syarat pekerjaan untuk staf apabila gereja itu gembira dan berkembang, dan bukannya mengandai bahawa perkara-perkara seperti ini tidak akan diperlukan dan menyesali kekurangan kejelasan apabila konflik timbul.

Paulus tahu bahawa untuk melatih seluruh gereja dalam pelayanan-pelayanan membangun jemaah mereka memerlukan latihan kepada para penatua terlebih dahulu. Dan bukan hanya melatih *mereka* untuk melakukan pelayanan-pelayanan itu, tetapi juga melatih mereka untuk melatih *orang lain* mengenainya – bukan hanya *menambahkan* pelayanan injil tetapi juga *menggandakan* pelayanan injil.

Walaupun para penatua akan mendapat manfaat daripada

mempelajari sendiri prinsip-prinsip pelayanan ini, adalah sangat membantu jika mereka mampu menyedarkan diri mereka sendiri untuk mengenal pasti di mana kelemahan mereka dan perlu untuk meminta bantuan, sama ada dari dalam ataupun luar gereja. Sebagai contoh, saya memerlukan bantuan dari para penatua dan juga rakan sekerja yang lebih muda dengan pengalaman pengurusan professional untuk belajar menguruskan pasukan staf dan membangun sokongan operasi yang sesuai untuk gereja kami kerana ia bertumbuh semakin besar. (Artikel *Leadership and Church Size Dynamics* oleh Tim Keller dan buku *Ready, Steady, Grow* oleh Ray Evans adalah sangat membantu dalam memahami betapa besarnya kesan saiz gereja mempengaruhi pelayanannya.)

Sesungguhnya, baru-baru ini saya telah meminta seorang senior pastor yang sangat saya hormati dari gereja lain untuk menjadi “jurulatih” tidak rasmi saya. Sekiranya ada apa-apa untuk belajar dari dunia sukan, ia mestilah nilai pembinaan. Satu pasukan junior sekolah mungkin mempunyai seorang jurulatih, sebuah kelab pasukan mungkin mempunyai beberapa orang, tetapi pasukan kebangsaan akan mempunyai berpuluh-puluh jurulatih untuk setiap aspek permainan! Namun dalam kehidupan gereja, semakin kita menjadi lebih senior, semakin sedikit latihan yang kita terima. Secara umumnya, pastor-pastor dan para penatua yang senior mungkin mempunyai pengaruh yang paling besar untuk kebaikan rohani bagi sebuah gereja, tetapi jika mereka gagal, secara teologi, moral atau emosi, boleh menyebabkan kemusnahan yang dahsyat. Izinkan saya menggalakkan pemimpin-pemimpin gereja yang senior untuk terus *mencari* bimbingan dan dalam masa yang sama *menawarkannya* (sama ada lebih banyak latihan kurikulum dari kolej atau konferensi, atau lebih banyak bimbingan oleh seorang pelayan yang lebih senior)?

Kita perlu mempelajari keutamaan komitmen Paulus untuk menyediakan latihan alkitabiah bagi mereka yang akan melatih umat Allah dalam pelayanan-pelayanan mereka yang membawa pertumbuhan kepada gereja.



Fikirkan:

1. Apakah pelatihan Alkitab yang anda terima untuk pelayanan gereja yang anda terlibat?



2. Apakah strategi yang digunakan oleh gereja anda untuk mengenal pasti dan melatih generasi pelapis pastor/penginjil/penanam gereja/misionaris/penaung kewangan/pemimpin kumpulan kecil/pekerja pelayanan wanita/pekerja pelayanan kanak-kanak? Bagaimana pula dengan pelayanan yang lebih kecil seperti membawa orang ke gereja dan hospitaliti?



Untuk Pemimpin Gereja:

Bagaimanakah anda meningkatkan kualiti pelatihan yang anda sediakan? Dan bagaimana anda boleh mengatur latihan yang anda perlukan?

